

Langkah proaktif perangi rasuah

HARIAN METRO

12/05/2010 M/S

PELAKSANAAN program mengurangkan amalan rasuah, terutama membabitkan agensi penguat kuasa seperti polis, kastam, Jabatan Pengangkutan Jalan dan imigresen dilaksanakan dengan mengukuhkan unit pematuhan dalam jabatan berkenaan.

Langkah itu dijangka dapat mengurangkan kebocoran dalam pemerolehan kerajaan iaitu mengurangkan jumlah hasil audit bagi setiap kementerian selain pendedahan maklumat mengenai kontrak pemerolehan kerajaan menerusi laman rasmi kementerian.

Pelbagai usaha dilakukan bagi membanteras rasuah yang mampu melumpuhkan ekonomi serta keberkesanan pelaksanaan program dan undang-undang sesebuah negara termasuk menggantikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang didakwa tidak telus dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SPRM mempunyai lima jawatankuasa iaitu Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah yang ditubuhkan bagi memantau SPRM.

Suruhanjaya itu ditubuhkan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia bebas daripada rasuah berlandaskan nilai-nilai kerohanian dan moral yang tinggi, mengelak penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan serta menjadikan SPRM agensi pembanteras rasuah profesional dan unggul.

SPRM diberi kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang berikut:

- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
- Ordinan No 22 (Kuasa-Kua-

sa Perlu) Darurat 1970 27

- Kanun Keseksaan
- Kanun Prosedur Jenayah
- Akta Polis 1967
- Akta Kesaksian
- Akta Kastam 1967
- Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954
- Akta Anti Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA)

Selain itu SPRM juga diperuntuk kuasa pentadbiran untuk membuat perakuan tindakan tatatertib terhadap pegawai awam hasil siasatan kes rasuah.

Bagi menggalakkan pemberian maklumat, Akta Perlindungan Saksi bertujuan melindungi orang awam yang memberi maklumat kepada pihak berkuasa termasuk SPRM dibentang di Dewan Rakyat, bulan lalu.

Akta itu membantu melindungi pemberi maklumat yang kini dilindungi mengikut akta tertentu seperti Seksyen 53 Akta Pencegahan Rasuah.

SPRM juga memaparkan senarai pesalah kes rasuah dalam Pangkalan Data Pesalah Rasuah menerusi laman webnya dalam usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai pencegahan rasuah di negara ini.

Laman www.sprm.gov.my memaparkan nama pesalah rasuah dari seluruh negara serta butir terperinci seperti nama penuh, nombor kad pengenalan, kerjaya, pertuduhan serta hukuman diterima yang boleh diakses orang ramai sebagai usaha terbaru suruhanjaya itu memerangi rasuah dengan berkongsi maklumat dengan orang awam.

Timbalan Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Shukri Abdull, berkata pihaknya tidak akan mengamalkan pilih kasih dan akan memaparkan nama semua pesalah yang disabitkan mahkamah.